

MANUAL
PENGURUSAN HAIWAN SEMASA
BENCANA
(ANIMAL EMERGENCY
MANAGEMENT MANUAL – AEMMA)

PRAKATA

Manual Pengurusan Haiwan Semasa Bencana atau Animal Emergency Management Manual (AEMMA) disediakan bertujuan untuk menjadi panduan kepada kakitangan DVS khasnya dan kepada agensi-agensi lain amnya yang terlibat semasa berlakunya bencana alam di dalam pengurusan haiwan.

Manual ini menerangkan secara umum dan asas bagaimana pihak terlibat iaitu negeri dan daerah boleh membantu menyelamatkan haiwan semasa berlakunya bencana alam seperti banjir, kemarau, gempa bumi, tsunami dan lain-lain. Mekanisma yang digunakan untuk penyediaan manual ini adalah menggunakan asas Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan (APTVM 24(a): 1/2011) dengan merujuk kepada Akta Binatang 1953 serta Rang Undang-undang Kebajikan Haiwan 2015 sebagai panduan. Manakala bencana alam akibat banjir digunakan sebagai rujukan di dalam menangani isu bencana ini.

**Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Jun 2016**

KANDUNGAN

PRAKATA

KANDUNGAN

PENGENALAN

KATA SINGKATAN

BAB 1 – KESIAPSAGAAN DAN PERSEDIAAN SEBELUM BENCANA

1. Latarbelakang
2. Organisasi Pengurusan Haiwan Semasa Bencana
 - i. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Pusat
 - ii. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Negeri
 - iii. Pasukan Amaran Awal
 - iv. Pasukan Petugas dan Skop Tugas
3. Mekanisma Pengurusan Haiwan Semasa Bencana
4. Kemudahan-Kemudahan Pengurusan Bencana
 - i. Peralatan dan Fasiliti
 - ii. Tempat Pemindahan
 - iii. Logistik
 - iv. Peruntukkan Kewangan
5. Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat Operasi Negeri
6. Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)
7. Kebajikan dan Kesejahteraan Ternakan dan Haiwan (RUU KH)

BAB 2 – PENGURUSAN SEMASA BENCANA

1. Latarbelakang

BAB 3 – PENGURUSAN SELEPAS BENCANA (SOPs)

1. Latarbelakang
 - a. Peringkat Awal dan Jangkamasa Pendek
 - b. Peringkat Pertengahan dan Jangkamasa Sederhana

c. Peringkat Akhir dan Jangkamasa Panjang

BAB 4 – SENARAI KEPERLUAN DAN CARTA ALIR

- i. Keperluan Pusat pengurusan Krisis/Pusat Operasi
- ii. Keperluan Petugas
- iii. Keperluan Kemudahan Pengurusan Bencana
- iv. Senarai Nama pasukan Tindakan Pantas
- v. Carta Alir Respon Kecemasan
- vi. Jadual Ringkasan AEMMA

RUJUKAN DAN PENGHARGAAN

PENGENALAN

Pengurusan Haiwan semasa krisis akibat bencana alam perlu diambil perhatian berat sebagaimana pengurusan pertanian yang lain. Malah haiwan sebagai hidupan bernyawa yang amat perlu dijaga kebajikan, keselamatan dan kesihatan mereka semasa berlaku sesuatu bencana. Haiwan ternakan sebagai antara sumber makanan protin yang utama kepada manusia, sekiranya tidak diurus dengan sempurna semasa berlaku bencana, akan mengakibatkan Negara kehilangan sumber makanan asas protin yang akan memberi kesan secara tidak langsung kepada manusia.

Bencana alam seperti banjir, gempa bumi, tsunami, kemarau, kebakaran dan lain-lain boleh berlaku di luar jangkaan. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan perlu bagi jabatan sentiasa bersedia sedia dan bersiapsiaga bagi menghadapi segala dugaan bencana yang melibatkan komoditi haiwan.

Manual Pengurusan Haiwan Semasa Bencana (Animal Emergency Management Manual - AEMMA) adalah diwujudkan bertujuan untuk:

- i. Menyediakan garis panduan dan mekanisma secara menyeluruh kepada komuniti yang terlibat dengan krisis akibat bencana melalui intervensi penternakan
- ii. Melindungi aset ternakan bagi komuniti yang terlibat dengan bencana

- iii. Membangunkan semula aktiviti penternakan dikalangan penternak dalam komuniti yang mengalami bencana

KATA SINGKATAN

| | |
|--------|--|
| AEMMA | Animal Emergency Management Manual |
| HIRARC | Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control |
| APTVM | Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| DVS | Department of Veterinary Services (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) |
| RUU KH | Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan |
| SOPs | Standard Operating Procedures |
| KPPV | Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar |
| PBS | Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan Sanitari Phytosanitari |
| ADIC | Animal Disease Information Centre |
| MKN | Majlis Keselamatan Negara |
| NGO | Non Government Organization |
| SKAPP | Seksyen Kawalan dan Pembasmian penyakit |

| | |
|------|------------------------------------|
| EPIS | Seksyen Epidemiologi dan Survelen |
| PTD | Pegawai Tadbir Diplomatik |
| EO | Emolumen Officer |
| ICS | Incident Command System |
| RAT | Rapid Action Team |
| IPPV | Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar |
| PRO | Public Relation Officer |
| ID | Identification Detail |

BAB 1 – KESIAPSIAGAAN DAN PERSEDIAAN SEBELUM BENCANA

1. Latarbelakang

Bab ini menerangkan mekanisma kesiapsiagaan dan persiapan menghadapi bencana di dalam pengurusan haiwan secara umum bagi setiap aktiviti pengurusan bencana. Kesiapsiagaan dan persiapan perlu diadakan semasa di dalam keadaan tenang (peacetime) bagi memudahkan semua pihak dalam mengurus haiwan semasa bencana. Ini dapat mengelakkan kerugian yang lebih besar jika terdapat persiapan pengurusan bencana yang sistematik.

Bab ini juga menerangkan segala keperluan tambahan dan penambahbaikan mekanisma pengurusan krisis penyakit haiwan sedia ada kepada pengurusan haiwan semasa bencana merangkumi skop tugas dan tanggungjawab Jawatan Kuasa, Incident Command System (ICS), Pasukan Petugas, Desk Officer, kemudahan dan peralatan tambahan menghadapi bencana, Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat-pusat Operasi, keperluan logistik serta

peruntukan kewangan tambahan. Senarai semak juga disediakan bersama-sama dengan penyediaan keperluan berkaitan.

2. Organisasi Pengurusan Haiwan Semasa Bencana

Organisasi Pengurusan Haiwan semasa bencana perlu diaktifkan yang terdiri daripada:

- a. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Pusat
- b. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Negeri
- c. Pasukan Amaran Awal (PAA)
- d. Pasukan Petugas dan Skop Tugas

Skop tugas dan tanggungjawab perlu diperincikan dengan jelas bagi memastikan kelancaran komunikasi dan tindakan pengurusan semasa berlaku bencana.

a. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Pusat (JKPHSBP).

Adalah merupakan sekumpulan pihak pengurusan tinggi yang akan membincangkan berkaitan arahan, polisi dan halatuju bagi setiap aktiviti yang dirancang untuk makluman dan tindakan PAA.

Jawatankuasa ini akan diaktifkan sebaik sahaja PAA menerima maklumat berkaitan bencana dari ADIC. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar serta keahlian terdiri dari Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian IPPV dan Agensi-agensi (kerajaan, swasta, NGO)

berkaitan jika terdapat penglibatan haiwan dan ternakan.

Jawatankuasa ini akan bersidang apabila berlaku sesuatu krisis atau bencana yang melibatkan populasi haiwan atau ternakan.

Urusetia bagi mesyuarat JKPHSBP adalah terdiri dari pegawai-pegawai didalam kumpulan PAA.

b. Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Negeri (JKPHSBN)

Jawatankuasa peringkat negeri terbabit perlu diwujudkan bagi mengurus segala perjalanan aktiviti berkaitan bencana diperingkat negeri tersebut. Jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Pengarah DVS negeri terlibat serta keahlian dari Bahagian-bahagian di DVS negeri dan daerah terbabit serta agensi kerajaan lain yang terlibat.

JKPHSBN akan bersidang selepas mendapat maklumbalas dari mesyuarat JKPHSBP dan setiap selepas selesai sesuatu aktiviti bagi mengemaskini maklumat untuk dibawa kepada JKPHSBP.

Maklumat yang diperolehi hasil dari mesyuarat JKPHSBN akan disalurkan oleh Desk Ofiser Negeri kepada Pegawai Liason PAA untuk dibawa ke peringkat tinggi jabatan untuk tindakan selanjutnya.

Pihak JKPHSBN perlu mengenalpasti seorang Desk Officer dinegeri yang diberi tanggungjawab sebagai pegawai fokal atau "contact person" yang akan menerima, menyalur dan penghubung segala maklumat kepada Pegawai Liason PAA di IPPV.

Desk Ofiser Negeri (Ketua Bahagian Kesihatan) bertanggungjawab menjaga maklumat atau data pelaporan negeri dan apabila menerima sesuatu pelaporan yang luarbiasa, Desk Ofiser perlu memaklumkan kepada Pengarah DVS negeri bagi tindakan lanjut. Desk Officer ini akan bertindak sebagai pegawai liason negeri yang akan berkomunikasi secara aktif bagi penerimaan dan penyaluran segala maklumat bencana dinegeri kepada pihak PAA di IPPV untuk tindakan Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Pusat dan Negeri.

Desk ofiser ini boleh berfungsi sebagai setiausaha didalam mesyuarat JKPHSBN dan bertindak sebagai penghubung kepada Pegawai Liason PAA.

c. Pasukan Amaran Awal (PAA)

PAA adalah satu pasukan yang diwujudkan diperingkat IPPV bagi memantau dan menyelia keseluruhan pengurusan bencana bagi memastikan perjalanan pengurusan haiwan semasa bencana diurus dengan efisien dan efektif. PAA terdiri dari beberapa pegawai yang akan membantu Jawatankuasa untuk penyediaan polisi, dasar dan halatuju pengurusan haiwan kepada pihak Menteri dan Kementerian. Perlantikan ahli PAA boleh terdiri dari beberapa ahli lain mengikut keperluan skop tugas seperti berikut:

- i. Komander (Pengarah PBS merangkap Ketua Pasukan Amaran Awal) – memantau keseluruhan perjalanan aktiviti pengurusan haiwan semasa bencana sehingga selesai serta penyediaan laporan lengkap bencana.

- ii. Pegawai Perhubungan Awam (PRO Perancang) – mengurus segala urusan berkaitan kesedaran awam, media, orang ramai, NGO dan antara agensi.
- iii. Pegawai Liason (Ketua SKAPP) - mengurus komunikasi antara Jawatankuasa, Pasukan Petugas, Desk Ofiser dan maklumat Pusat Pengurusan Krisis dan Operasi untuk disalur kepada Komander bagi tindakan selanjutnya. Juga menjadi setiausaha bagi mesyuarat JKPHSBP dan menerima maklumat dari JKPHSBN.
- iv. Pegawai Kewangan (PTD Kewangan dan EO) – mengurus segala bentuk keperluan kewangan (federal dan negeri) bagi pengurusan haiwan semasa bencana
- v. Pegawai Logistik (PTD/Pegawai Penyelidik) - mengurus segala urusan kemudahan, lojing, pengangkutan, dan peralatan berkaitan pengurusan haiwan semasa bencana
- vi. Pegawai keselamatan (Pegawai HIRARC) - mengurus kebajikan pasukan petugas dari segi keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja semasa pengurusan haiwan didalam bencana. Pegawai Keselamatan ini akan mengikut SOP seperti yang digariskan didalam HIRARC dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan DVS.
- vii. Pegawai Pusat Krisis (Ketua Seksyen EPIS) – mengurus dan menyelaraskan segala aktiviti di Pusat Pengurusan Krisis. Pegawai Pusat Krisis perlu sentiasa berkerjasama dengan Pegawai Liason untuk pengemaskinian maklumat dan aktiviti pengurusan bencana.

d. Pasukan Petugas dan Skop Tugas

Adalah kumpulan pelaksana yang akan menjalankan tugas bagi setiap aktiviti yang telah dirancang dan diberikan tugas oleh Komander PAA.

Pasukan petugas sediaada semasa krisis penyakit haiwan digunapakai dan ditambah bilangan pasukan petugas mengikut skop tugas semasa berlaku bencana. Ini adalah kerana semasa krisis penyakit haiwan, beberapa skop tugas adalah tidak diwujudkan, manakala semasa bencana pasukan petugas berikut adalah diperlukan bagi membantu tugas menyelamatkan ternakan dan haiwan.

Bilangan pasukan petugas bagi setiap kategori yang bertugas dilapangan atau dikawasan krisis/bencana adalah mengikut kesesuaian tahap krisis/bencana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Haiwan Semasa Bencana Pusat dan Negeri.

Setiap pasukan terdiri daripada empat ke lima orang termasuk pemandu.

Senarai Pasukan Petugas

Pasukan Petugas yang diwujudkan bagi pengurusan haiwan semasa bencana adalah terdiri seperti:

- i. Pasukan Tindakan Pantas (Rapid Action Team, RAT)
- ii. Pasukan Survelan dan Bancian
- iii. Pasukan Pampasan
- iv. Pasukan Penyelamat dan Pemindahan
- v. Pasukan Kebajikan
- vi. Pasukan Kesihatan
- vii. Pasukan Pemulihan
- viii. Pasukan Pemusnah dan Pelupusan
- ix. Pasukan Dekontaminasi dan Disinfeksi

- x. Pasukan Logistik
- xi. Pasukan Keselamatan/Penguatkuasa

Skop Tugas Pasukan

i. Pasukan Tindakan Pantas (Rapid Action team, RAT)

Pasukan ini adalah terdiri dari Pegawai Veterinar yang telah dilatih untuk menjalankan penyiasatan penyakit secara epidemiologi dan bertindak setelah diaktifkan oleh PAA atau Pasukan Amaran Awal. Mereka ini adalah terdiri dari Pegawai Veterinar dari Bahagian Kesihatan Negeri, Makmal Veterinar Kawasan dan Institut Penyelidikan Veterinar.

Pasukan ini hanya diaktifkan apabila berlaku krisis penyakit haiwan dan tidak diaktifkan semasa berlaku bencana melainkan berlaku krisis penyakit haiwan pada masa kejadian bencana. Ahli pasukan RAT adalah seperti dilampiran.

Tugas dan Tanggungjawab

- Menjalankan penyiasatan epidemiologi dan penyakit haiwan
- Menjalankan post mortem keatas ternakan mati dan hampir mati
- Mengambil sampel untuk ujian pengesahan dimakmal
- Tugas lain seperti yang digaris didalam APTVM Perkhidmatan Veterinar

ii. Pasukan Survelan dan Bancian

Ketua: Ketua Bahagian Kesihatan

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS dan Pemandu

Ahli Bantuan Tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Membuat surveilan penyakit terhadap haiwan yang menghadapi bencana
- Membuat bancian dan merekod haiwan yang sihat, sakit, mati, cedera, dilupus, dimusnah dan lain-lain akibat bencana dan penyakit dikawasan bencana.
- Merekod semua kategori haiwan bagi urusan bayaran pampasan dimana perlu
- Mengurus aktiviti berkaitan surveilan dan bancian haiwan
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

iii. Pasukan Pampasan

Ketua: Ketua Bahagian Industri

Ahli: Kakitangan Teknikal dan Pejabat DVS

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Mengurus aktiviti berkaitan urusan pampasan haiwan
- Membuat bayaran pampasan keatas haiwan atau ternakan yang dimusnahkan/mati akibat bencana seperti yang telah ditentukan oleh JKPHSBP
- Merekod semua aktiviti berkaitan bayaran pampasan
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk

Ofiser

iv. Pasukan Penyelamat dan Pemindahan

Ketua: Ketua Bahagian Industri Negeri

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS dan Pemandu

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Membantu Penternak/Pengusaha ternakan untuk “destocking” ternakan sebaik menerima laporan amaran awal bencana
- Membantu menyelamatkan haiwan semasa bencana
- Membantu membawa/memindahkan haiwan ketempat selamat atau “shelter” sementara yang ditentukan.
- Mencari dan menyelamatkan haiwan-haiwan yang terperangkap (stranded) semasa bencana
- Membuat bancian serta merekod bilangan haiwan yang diselamatkan dan dipindahkan dan memaklumkan kepada Pasukan Survelen dan Bancian. Tugas ini boleh juga dijalankan oleh Pasukan Survelen dan Bancian
- Memberi ID kepada haiwan-haiwan yang diselamatkan dan dipindahkan jika tiada mempunyai ID
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

v. Pasukan Kebajikan

Ketua: Ketua Bahagian Industri Negeri

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS dan Pemandu

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

Bertugas menjaga kebajikan haiwan seperti memberi makan dan minum kepada haiwan yang diselamatkan ditempat pemindahan

- Memastikan kebajikan haiwan seperti di tempat pemindahan dijaga rapi
- Memastikan haiwan yang diselamatkan diletak ditempat selamat dan diberi makan serta minum secukupnya
- Merekod bekalan makanan ternakan yang dikeluarkan dan yang diterima
- Memastikan segala keperluan kebajikan haiwan semasa krisis dan bencana terjaga
- Merekod segala aktiviti berkaitan kebajikan
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

vi. Pasukan Kesihatan

Ketua: Ketua Bahagian Kesihatan

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS dan Pemandu

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Bertugas menjaga kesihatan haiwan yang diselamatkan dalam keadaan sihat

- Memberi rawatan kesihatan seperti ubat, vaksin dan lain-lain
- Membuat rondaan kesihatan disetiap tempat pemindahan dan tempat haiwan diselamatkan
- Merekod segala aktiviti kesihatan seperti pengeluaran ubatan, jenis penyakit, bilangan haiwan yang sakit, bilangan haiwan yang mati dan lain-lain
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

vii. Pasukan Pemulihan

Ketua: Ketua Bahagian Industri/Regulatori

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Membuat kerja-kerja pemulihan penternakan
- Membantu penternak untuk pengurusan penternakan dari segi nasihat teknikal, subsidi ternakan, subsidi makanan, subsidi ubatan dan lain-lain yang berkaitan mengikut jangkamasa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Krisis/Bencana Penyakit Haiwan Negeri
- Membantu pemulihan kadang/reban
- Membantu mencari sumber ternakan
- Membantu mencari sumber makanan ternakan
- Merekod segala aktiviti berkaitan pemulihan
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk

Ofiser

viii. Pasukan Pemusnah dan Pelupusan

Ketua: Ketua Bahagian Pentadbiran

Ahli: Kakitangan Pejabat

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Menjalankan aktiviti berkaitan penghapusan / pemusnahan dan pelupusan haiwan
- Memastikan kawasan pelupusan adalah kawasan yang telah dikenalpasti sesuai untuk pelupusan
- Memusnahkan haiwan yang sakit menggunakan kaedah yang telah dikenalpasti
- Merekod semua aktiviti berkaitan pemusnahan dan pelupusan
- Membuat bancian haiwan yang dimusnah dan dilupus
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

ix. Pasukan Dekontaminasi dan Disinfeksi

Ketua: Ketua Bahagian Industri

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Menjalankan tugas berkaitan aktiviti dekontaminasi dan disinfeksi
- Memastikan semua premis, kawasan, kandang dan tempat2 terjangkit / bencana di dekontaminasi
- Memastikan semua peralatan didisinfek
- Memastikan semua tempat pelupusan di dekontaminasi dan didisinfek
- Merekod semua aktiviti berkaitan dekontaminasi dan didisinfek direkod
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

x. Pasukan Logistik

Ketua: Ketua Bahagian Pentadbiran Negeri

Ahli: Kakitangan Pejabat

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Mengurus urusan berkaitan logistic seperti keperluan kenderaan, peralatan, kewangan, ubatan, kakitangan dan pasukan petugas
- Mengurus pembelian peralatan, ubatan, makanan dll
- Mengurus perolehan peralatan, ubatan, makanan dll dari pihak "donor"
- Memastikan semua keperluan logistic adalah mencukupi

- Mengurus stor atau tempat simpanan peralatan dan makanan dengan sempurna
- Merekod segala aktiviti berkaitan logistic
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser
- Melapor segala keperluan berkaitan logistic kepada Pegawai Logistik PAA

xi. Pasukan Keselamatan/Penguatkuasa

Ketua: Ketua Penguatkuasaan Veterinar

Ahli: Kakitangan Pejabat

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Menjalankan tugas menjaga keselamatan haiwan yang diselamatkan
- Memastikan tiada haiwan dibenarkan keluar dan masuk ke kawasan krisis/bencana
- Merekod semua aktiviti berkaitan penguatkuasaan dan keselamatan haiwan
- Menghantar maklumat dan laporan berkaitan kepada Desk Ofiser

xii. Pasukan Destocking dan Re-stocking

Ketua: Ketua Bahagian Industri/Regulatori

Ahli: Kakitangan Teknikal DVS

Ahli Bantuan tambahan: Dari Agensi Lain / NGO

Tugas dan Tanggungjawab

- Mencari alternative kepada penternak untuk “destocking” ternakan mereka
- Mengenalpasti pembeli untuk membeli ternakan
- Mengenalpasti rumah sebelah yang mampu menjalankan penyembelihan dalam jumlah yang banyak
- Mengenalpasti pembeli hasilan ternakan
- Memberi bantuan ternakan atau bayaran pampasan
- Mengenalpasti tempat penyembelihan sementara bagi penyembelihan darurat dengan pengawasan pegawai jabatan
- Memastikan harga jualan ternakan dan hasilan ternakan adalah ditahap berpatutan
- Mencari alternative untuk re-stocking ternakan
- Membantu penternak mencari sumber ternakan untuk penternakan semula
- Melapor segala aktiviti yang dijalankan kepada Desk Ofiser

3. Mekanisma Pengurusan Haiwan Semasa Bencana

- i. Menggunapakai mekanisma Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan sedia ada dengan penambahan keahlian dari Bahagian-bahagian lain di IPPV. Semasa bencana kakitangan DVS negeri juga digunakannya bagi membantu negeri terlibat. Bantuan juga boleh diminta dengan kerjasama agensi-agensi luar DVS serta NGO yang ditugaskan bersama ketika bencana berlaku.

- ii. Semua haiwan dan ternakan perlu mempunyai tanda pengenalan (ID) bagi mengenalpasti tuannya. Tuannya haiwan peliharaan adalah juga digalakkan untuk meletakkan microcip pada haiwan-haiwan mereka bagi memudahkan pengesanan haiwan apabila berlaku kehilangan haiwan tersebut.
- iii. Pusat Pengurusan Krisis di IPPV yang terletak di Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS akan diaktifkan serta Pusat Operasi negeri terbabit semasa kejadian bencana berlaku.
- iv. Pegawai Teknikal dan Bukan Teknikal dari DVS perlu bersedia untuk diarah bertugas semasa berlakunya bencana atau krisis penyakit. Pihak Pengurusan Tinggi Jabatan perlu mengarahkan semua kakitangan jabatan dari semua Bahagian di IPPV dan DVS Negeri untuk bersama-sama membantu mengembeleng tenaga bagi menangani kejadian bencana atau krisis penyakit haiwan. Apabila berlaku bencana atau wabak penyakit yang melibatkan haiwan, ianya merupakan isu Negara yang mesti ditangani sepenuhnya oleh semua pegawai jabatan bukan sahaja dari Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS tetapi melibatkan semua Bahagian-bahagian lain juga.
- v. Tempat pemindahan ternakan sementara perlu diwujudkan dan dikenalpasti kawasan yang bersesuaian. Tempat pemindahan ini boleh menggunakan kemudahan sediaada samada dari pihak kerajaan atau persendirian dan boleh dilalui (accessible) semasa banjir. Kriteria pemilihan tempat adalah seperti di perenggan 4 (b).
- vi. Haiwan dan ternakan perlu dipastikan status kesihatan. Jika didapati sakit perlu diasing, dirawat atau disingkir dari haiwan atau ternakan

yang sihat. Jika haiwan/ternakan yang ditemui berada didalam keadaan sakit teruk atau sakit berjangkit, maka pasukan petugas perlu memastikan haiwan/ternakan tersebut dimusnahkan dan dilupus sempurna bagi mengelakkan penebaran penyakit serta menjaga kebajikan haiwan tersebut.

- vii. Tempat pelupusan dan kumbahan haiwan/ternakan yang sesuai perlu dikenalpasti. Tempat-tempat ini perlulah jauh dari punca sumber air dan kawasan penempatan.
- viii. Kebajikan haiwan yang dipindahkan perlulah diambil kira seperti keluasan tapak, makanan dan minuman, serta tempat teduhan.
- ix. Peruntukkan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi memastikan kelancaran pengurusan bencana.
- x. Kebajikan Pasukan Petugas sepanjang pengurusan bencana mestilah diambil perhatian.
- xi. Keutamaan menyelamatkan diberikan kepada ternakan dan haiwan kesayangan yang "stranded" didalam bencana banjir. Jika ternakan berada didalam reban, kandang atau kawasan yang tinggi, ternakan tersebut tidak perlu dipindahkan, hanya memerlukan pasukan petugas untuk pengurusan kebajikan, kesihatan, makan dan minum ternakan tersebut.

4. Kemudahan-kemudahan Pengurusan Bencana

Kemudahan-kemudahan seperti a) peralatan dan fasiliti, b) tempat pemindahan, c) logistik dan d) peruntukkan kewangan perlu disediakan semasa proses persiapan dan penyediaan pengurusan bencana bagi

memastikan segala kemudahan dan peralatan tersebut ada dan dapat diagihkan dengan efisien.

a. Peralatan dan Fasiliti

Perlu disediakan dan dikenalpasti pembekal-pembekal. Peralatan dan fasiliti secara umum seperti berikut adalah diperlukan:

- i. Peralatan-peralatan pengesanan dan pengekangan haiwan seperti drone, mobile coral, tali lasso, twitcher, 'net catcher' dll
- ii. Peralatan bedding, sangkar, reban, "shelter" dll
- iii. Peralatan pengangkutan haiwan
- iv. Peralatan makanan dan minuman
- v. Peralatan rawatan haiwan
- vi. Fasiliti bekalan air
- vii. Fasiliti sistem kumbahan
- viii. Fasiliti tempat penyimpanan makanan haiwan

Perincian adalah seperti didalam Bab 4.

b. Tempat pemindahan sementara ternakan/haiwan

Perlu dikenalpasti disetiap negeri serta direkodkan mengikut ciri-ciri berikut:

- i. Setiap daerah dalam negeri perlu mengenalpasti sekurang-kurangnya 5 kawasan pemindahan sementara
- ii. Kawasan pemindahan sementara mestilah kawasan tanah tinggi yang mudah dilalui oleh kenderaan berat/trak/kenderaan pengangkutan lain
- iii. Mempunyai sumber air (paip air/sumber air semula jadi/tanker air)

- iv. Mempunyai sumber makanan seperti padang rumput (lebih diutamakan), silaj, pellet dan bijirin
- v. Tempat pemindahan atau kandang sementara haiwan mestilah berbumbung
- vi. Tanah rizab kerajaan, (jika tanah persendirian, perlulah mendapat persetujuan dari tuannya tanah terlebih dahulu)

c. *Logistik*

Pegawai Logistic PAA sebagai penyelarasan untuk memastikan segala kemudahan pengurusan bencana seperti pengangkutan Pasukan Petugas, pengangkutan haiwan/ternakan, tempat penginapan pasukan dan lain-lain yang berkaitan adalah disediakan dan mencukupi bagi pengurusan bencana.

Pasukan Logistik perlu sentiasa berhubung dengan Pegawai Logistik bagi penyelarasan urusan berkaitan logistic.

Perincian kemudahan dan peralatan dan lain-lain keperluan adalah seperti di Bab 4.

d. *Peruntukkan Kewangan*

Pegawai Kewangan PAA perlu mencari sumber kewangan yang mencukupi bagi kegunaan semasa berlaku bencana samada dengan menggunakan peruntukkan sediaada jabatan atau kementerian, peruntukkan kecemasan atau sumber kewangan yang lain mengikut prosedur kewangan semasa. Penggunaan sumber kewangan lain perlu berintegriti.

5. Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat Operasi Negeri

Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat Operasi Negeri sedia ada perlu dilengkapi dengan segala keperluan kemudahan pengurusan bencana {rujuk Perenggan 4(a, b,c,d)} selain dari keperluan untuk pengurusan krisis penyakit haiwan.

Pegawai Pusat Krisis PAA dan Desk Ofiser adalah merupakan penyelaras bagi Pusat Pengurusan Krisis IPPV dan Pusat Operasi negeri masing-masing.

Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat Operasi Negeri akan berfungsi sebagai pusat penyaluran dan pengurusan maklumat dan informasi, pengurusan kemudahan semasa bencana, perhubungan awam, penyaluran arahan, polisi jabatan serta lain-lain aktiviti berkaitan.

Pegawai Pusat Krisis dan kakitangan lain yang bertugas perlu sentiasa berada di pusat-pusat tersebut dan menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang digariskan.

Terdapat dua (2) peringkat pusat operasi iaitu:

- i. Pusat Pengurusan Krisis - diperingkat Ibupejabat
- ii. Pusat Operasi Negeri - diperingkat Negeri

Nota : Pusat Operasi Lapangan diperingkat lapangan boleh diaktifkan mengikut keperluan oleh DVS Negeri

Perincian keperluan tambahan Pusat Pengurusan Krisis dan Pusat Operasi Negeri adalah seperti di Bab 5.

6. Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control – HIRARC

Keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan kakitangan petugas DVS perlu diambil berat seperti yang disarankan didalam HIRARC dan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan DVS. Pasukan petugas DVS ini adalah

merupakan benteng pertahanan pertama yang akan berhadapan dengan penyakit haiwan dan juga “keganasan” haiwan semasa pengurusan haiwan dan ternakan tersebut.

Adalah menjadi dasar DVS untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua kakitangannya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktiviti nya. Kemudahan untuk beribadah juga perlu disediakan.

Pegawai Keselamatan (Safety Officer) yang dikenalpasti didalam PAA akan menyelaras dan memantau urusan berkaitan kebajikan Pasukan Petugas..

7. Kebajikan dan Kesejahteraan Ternakan dan Haiwan (Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan)

Pengurusan ternakan dan haiwan semasa krisis dan bencana perlulah mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan ternakan dan haiwan seperti yang termaktub didalam Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan.

1. Latarbelakang

Pengurusan semasa bencana bermula dari saat amaran awal bencana diterima oleh pihak DVS dari agensi berkaitan tentang ancaman bencana yang berlaku. Pengurusan yang dimaksudkan adalah berupa tindakan dan prosedur yang perlu dijalankan dan dilakukan semasa mula menerima amaran awal bencana sehingga bencana diisytihar selesai.

Pengurusan semasa bencana yang melibatkan pihak DVS adalah apabila ianya melibatkan komoditi ternakan dan haiwan peliharaan. Organisasi Pengurusan Haiwan Semasa Bencana serta aktiviti terlibat adalah diaktifkan dan beroperasi seperti yang digariskan didalam manual ini. Aliran respon kecemasan perlulah diikuti bagi memastikan kelancaran dan kecekapan pengurusan haiwan semasa bencana.

Pusat-pusat Krisis dan Operasi mula diaktifkan dan beroperasi disetiap peringkat yang terlibat. Pusat-pusat Krisis dan Operasi ini bertindak sebagai pusat penyelarasan bagi semua aktiviti berkaitan pengurusan haiwan semasa bencana. Segala arahan, polisi, informasi, maklumat, data, logistic, kewangan, pasukan petugas dan kemudahan pengurusan semasa bencana adalah berpusat di sini. Segala arahan dan polisi adalah dari peringkat Pusat dan pelaksanaan adalah diperingkat negeri.

BAB 3 – PENGURUSAN SELEPAS BENCANA

1. Latarbelakang

Pengurusan selepas bencana adalah merupakan aktiviti pemulihan dalam penternakan selepas bencana diisytihar selesai iaitu dengan penarikan balik perwartaan bencana (seperti penarikan balik pewartaan penyakit).

Satu laporan lengkap perlu disediakan sebaik semua aktiviti berkaitan pengurusan haiwan semasa bencana selesai.

Operasi pemulihan boleh dikategorikan didalam beberapa peringkat dan jangkamasa seperti:

a. Peringkat awal dan Jangkamasa pendek

Tempoh masa tindakan adalah segera selepas amaran bencana ditarik balik sehingga sebulan selepas bencana. Semua tindakan jangka pendek bagi menghidupkan semula industri penternakan perlu dilaksanakan. Sebagai contoh seperti kerja-kerja membersih kawasan kandang, memperbaiki kerosakan kecil kandang serta peralatan ladang dan sebagainya

b. Peringkat pertengahan dan jangkamasa sederhana

Tempoh masa adalah selepas sebulan dari peringkat awal dan berterusan mengikut keperluan dan kebiasaannya sehingga 3 tahun. Peringkat ini merupakan peringkat pemulihan dan berterusan dari peringkat awal dalam

membangunkan semula usaha penternakan. Pengurusan pinjaman atau sebarang bantuan diteruskan bagi memulakan semula bidang penternakan oleh penternak. Kemusnahan yang nyata perlu penggantian atau difikirkan tempat yang lebih sesuai untuk penternakan.

c. Peringkat akhir dan jangka masa panjang

Perancangan pemulihan jangka panjang amat penting dalam menjana semula industri penternakan. Kerja-kerja pemulihan pengurusan penternakan dan psikologi penternak perlu diambil kira supaya usaha penternakan yang cekap dan selamat dapat dirancang semula. Ekonomi negara dan pendapatan penternak perlu dititik beratkan dalam perancangan jangka masa panjang. Skim-skim tertentu bagi bidang penternakan dapat diwujudkan dan dirancang semula selepas sesuatu bencana berlaku.

BAB 4 – SENARAI KEPERLUAN DAN CARTA ALIR

1. Keperluan Pusat Pengurusan Krisis/Pusat Operasi

- Komputer
- Mesin fax
- Alat telekomunikasi – Telefon, telefon mudah alih dengan power bank
- GPS
- Television
- Peta

- Data asas ternakan diseluruh negeri
- Data asas haiwan diseluruh negeri
- Contact number semua Ahli jawatankuasa dan pasukan petugas seluruh negeri
- Number telefon semua pusat operasi negeri dan lapangan
- Ubatan asas rawatan ternakan dan haiwan
- Peralatan asas kekangan ternakan dan haiwan
- Pakaian keselamatan pekerja

2. Keperluan Petugas

- Peralatan penginapan petugas seperti khemah, "sleeping bag" dan lain-lain.
- Tempat Penginapan
- Peralatan berkaitan pengurusan haiwan/ternakan
- Lampu picit (torchlight)
- Baju reflector
- Pakaian untuk bertugas (overall, boot, sarung tangan, baju hujan, PPE (jika berlaku wabak penyakit) dan lain-lain)
- Tempat Ibadah

3. Keperluan Kemudahan Pengurusan Bencana

- Kandang mudah alih (coral)


- Tali lasso
- Twitcher
- Travis
- Towel
- Sangkar
- Vibrator
- Trak 10 tan
- Tangki air
- Tong makanan
- Hos air
- Pacuan 4 roda
- Alat pengesan ternakan/haiwan (drone)
- Bekas minuman
- Bekas makanan
- Truk pengangkut
- Bot pengangkut
- Khemah-khemah
- Alat-alat pengekangan ternakan
- Catcher, tranquilizer, blow/dart gun
- Bekalan makanan ternakan
- Generator set
- Peralatan rawatan/post mortem kit
- Kenalpasti senarai pembekal-pembekal (ternakan, peralatan,

makanan, fasiliti dan lain-lain)

4. Senarai Nama Pasukan Tindakan Pantas (RAT)

| Bil. | Nama | Tempat Bertugas | No. Telefon | Alamat Email |
|------|---------------------------------------|--------------------------------------|-----------------|--|
| 1 | Chia Pek Chin | Bahagian Veterinar, DOA Sarawak | 013- 8176609 | chiapc70@sarawaknet.gov.my |
| 2 | Dr. Norina bt. Lokman | MVK Bukit Tengah | 012- 4639034 | norina@dvs.gov.my |
| 3 | Dr. Normah bt. Yusop | MDV Kota Kinabalu, Sabah | 019- 8814124 | Normah.Yusop@sabah.gov.my |
| 4 | Dr. Mas Ayu Suraya bt. Abd. Rahman | DVS W.P. Kuala Lumpur | 019- 2759574 | mas_ayu@dvs.gov.my |
| 5 | Dr. Zarina bt. Mohamed | MVK Kota Bharu | 013- 9959012 | zarina@dvs.gov.my |
| 6 | Dr. Saira Banu bt. Mohamed Rejab | DVSN Kedah | 013- 8119800 | saira@dvs.gov.my |
| 7 | Dr. Nik Hamidah binti Nik Husin | DVSN Selangor | 013- 3961661 | nikhamidah@dvssel.gov.my |
| 8 | Dr. Andrea Lim Li Li | Makmal Veterinar Diagnosa Sarawak | 012- 8897087 | andre111@sarawak.gov.my |

5. CARTA ALIRAN RESPON KECEMASAN BENCANA



6. JADUAL RINGKASAN AEMMA

| Bi I | Objektif | Pilihan Tindakan | Implikasi dan Isu |
|---------|---|---|---|
| 1 | Menyediakan garis panduan dan mekanisma secara menyeluruh kepada komuniti yang terlibat dengan krisis akibat bencana melalui intervensi penternakan | <i>Destocking</i> (pengeluaran/penjualan segera) | <ul style="list-style-type: none"> . Sesuai bagi kes diperingkat awal dan kejadian bencana berlaku dalam tempoh perlahan . Memberi perlindungan keselamatan jangka panjang kepada aset ternakan . Membantu mendapatkan pendapatan awalan penternak sebelum kejadian bencana . Sebagai punca pendapatan bagi pembelian makanan atau upah gaji pekerja semasa bencana |
| | | <i>Destocking</i> (penyembelihan segera) | <ul style="list-style-type: none"> . Sesuai jika bencana berlaku diluar jangkaan . Wang jualan digunakan untuk menampung semasa bencana . memerlukan infrastruktur asas |

| | | | |
|---|--|--|--|
| | | | dan pengedaran daging |
| 2 | Melindungi aset ternakan bagi komuniti yang terlibat dengan bencana | Servis Veterinar (Servis Klinikal Veterinar utama, bantuan sektor veterinar swasta) | <ul style="list-style-type: none"> . Berkeupayaan memberi impak positif dalam melindungi dan membina semula aset di kesemua peringkat kecemasan semasa bencana . Kesiapsiagaan seperti pemberian vaksin dan rawatan pencegahan . Boleh dilaksanakan bersekali semasa aktiviti lain (seperti semasa memberi makanan, minuman dan penyenggaraan ternakan) untuk lindung ternakan . Memerlukan operasi dan keupayaan sektor servis seperti kerajaan, swasta dan NGO serta keperluan veterinar |
| | | Bekalan Makanan (relokasi ternakan, makanan semasa kecemasan) | <ul style="list-style-type: none"> . Bagi mengekalkan aset ternakan semasa dan selepas bencana . Memerlukan kesediaan makanan, pasture, pengangkutan dan stor penyimpanan . Semasa kemarau termasuk juga bantuan minuman dan kelengkapannya . Keperluan kos bagi pemakanan dan logistik mungkin tinggi dan meningkat |
| | | Keperluan bekalan air | . Bagi mengekalkan aset ternakan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dan minuman | <ul style="list-style-type: none"> . Memerlukan sumber air yang mencukupi dan berkualiti semasa bencana . Perlu satu sistem pengurusan air tempatan yang efektif . Mungkin memerlukan kos yang tinggi bagi pembelian/penyediaan peralatan seperti tangki air dan lori tangki air |
| | | Tempat penempatan dan perlindungan ternakan | <ul style="list-style-type: none"> . Bergantung kepada keperluan kepelbagaian spesis ternakan, perlu dilindungi dari panas, hujan dan kesejukan, menjaga keselamatan ternakan, mengelakkan haiwan berkeliaran dan persediaan sementara persekitaran yang munasabah untuk manusia dan ternakannya serta bagi mempermudah urusan pengurusan . Untuk bencana atau kecemasan yang berlaku secara mengejut (contoh semasa gempa bumi) dan bukan berlaku secara perlahan-lahan seperti kemarau . Penekanan terhadap isu-isu seperti hak tanah, kesan alam sekitar dan keperluan atau kedapatan air dan makanan |
| 3 | Membangunkan semula aktiviti penternakan dikalangan | Pembekalan ternakan (Dasar dan penyusunan semula pengagihan ternakan) | <ul style="list-style-type: none"> . Bantuan untuk pembinaan semula usaha penternakan, penggantian bibit, atau sebahagiannya logistik dan |

| | | |
|---|--|---|
| penternak dalam komuniti yang mengalami bencana | | <p>sebagainya</p> <ul style="list-style-type: none"> . Taksiran kerugian selepas tamat bencana dalam fasa pemulihan . Bebanan kos tinggi dan mencabar . Kejayaan bergantung kepada kecekapan pengurusan, pengagihan dan lain-lain lagi <p>Kejayaan dibantu juga dengan intervensi terhadap kesihatan ternakan, termasuk bantuan latihan semula, bantuan makanan dan infrastruktur.</p> |
| | Servis Veterinar, makanan, minuman dan tempat perlindungan | <ul style="list-style-type: none"> . Bantuan berterusan dalam apa jua bentuk dapat meringankan proses pemulihan dari bencana dan mengukuhkan semula usaha memulakan penternakan |

RUJUKAN

1. Animal Act 1953 (Revised 2006)
2. Arahan Prosedur tetap Veterinar Malaysia : APTVM 24 (a) : 1/2011, Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
3. Livestock Emergency Guidelines and Standards (LEGS) 2009, ISBN 978 1 85339 679 3 – United Kingdom
4. Manual Good Emergency Management Practice : The Essentials : FAO – A

Guide To Preparing For Animal Health Emergencies (2011)

PENGHARGAAN

Penyediaan manual ini pada awalnya telah diusulkan oleh Mantan Ketua Pengarah DVS iaitu Y.H Dato' Dr Mohamad Azmie bin Zakaria selepas berlakunya bencana banjir besar di Kelantan dan Terengganu pada tahun 2014 yang telah memusnahkan banyak ternakan dan haiwan. Pihak DVS mempunyai pengalaman dan kepakaran dari segi menangani krisis penyakit haiwan tetapi tiada pengalaman didalam menangani krisis akibat bencana yang melibatkan ternakan dan haiwan.

Oleh yang demikian demi menjaga keselamatan, kebajikan dan kesihatan haiwan semasa bencana disarankan supaya diwujudkan sebuah manual pengurusan bencana diperingkat jabatan yang kemudiannya dicadangkan supaya diserapkan didalam Majlis Keselamatan Negara pengurusan bencana didalam haiwan.

Pihak Pengurusan Bahagian Biosekuriti dan SPS sebagai penyelarass didalam penyediaan Manual AEMMA ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung dan tidak langsung didalam penyediaan manual tersebut.

JAWATANKUASA PENYEDIAAN MANUAL PENGURUSAN HAIWAN SEMASA BENCANA

Penasihat : Dato' Dr Kamarudin bin Md Isa
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Disediakan oleh : Dr Rozanah Asmah bt Abd. Samad

Dr Rahizad bin Abd Shukor

Dr Rohaya Mohd Ali

Dr Sarah Dadang Abdullah

Dr Anum Man

Dr Zawida Zahari

Dr Maria Jamli

Dr Rohana Abu Bakar

Dr Nursyuhada Ahmad Kamil

Juga jutaan terima kasih kepada :

1. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
3. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
4. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
5. Semua Ketua Seksyen, IPPV

6. Pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung